

Headline **Pasar Kampuchea popularkan Kanchong Darat**
Date **28. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **26**
Section **Dalam Negeri** Article Size **1162** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



PELBAGAI jenis kain dan pakaian dijual pada harga berpatutan di Pasar Kampuchea di Kampung Kanchong Darat, Kuala Langat.

- Gambar SAHARUDDIN ABDULLAH

Pasar Kampuchea popularkan Kanchong Darat

Oleh AZIAN AZIZ

BANTING 27 Mac – Pasar Kampuchea di Kuala Langat? Kenapa dipanggil Pasar Kampuchea? Ramaikah orang Kampuchea berniaga di situ?

Itulah antara persoalan yang timbul ketika penulis diberitahu terdapat pasar yang agak besar dan menjual pakaian serta barangan keperluan pada setiap hujung minggu di Kampung Kanchong Darat, Kuala Langat yang dipanggil Pasar Kampuchea oleh penduduk tempatan.

Setelah pergi melihat sendiri dan bertemu dengan peniaga-peniaga di sana barulah penulis temui jawapannya.

Menurut ketua masyarakat Kemboja di Kanchong Darat, **Idris Yusuf**, 56, Pasar Kampuchea dibuka sejak lapan tahun lalu atas usaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Kanchong Darat dan dimonopoli peniaga warga Kemboja beragama Islam yang telah menetap di Kanchong Darat sejak tahun 80-an.

Beliau yang dilahirkan di Angkor Ban berkata, terdapat kira-kira 70 keluarga orang Kemboja menetap di Kanchong Darat dan kebanyakan mereka adalah peniaga.

Jelasnya, atas sokongan daripada JKKK Kanchong Darat, mereka membuka pasar pagi pada setiap hari Ahad yang dipanggil penduduk Kuala Langat sebagai Pasar Kampuchea kerana kebanyakan peniaga-peniaga orang Kemboja.

Terdapat 40 peniaga di pasar itu dengan 30 daripadanya adalah orang Kemboja.

Ujarnya, antara barangan yang dijual di pasar Kampuchea ialah pakaian seperti baju, telekong, tudung, kain ela, barangan keperluan rumah, makanan dan pelbagai lagi dengan harga yang murah.

"Di pasar ini, terdapat lebih 200 petak gerai dan setiap petak disewa dengan harga murah iaitu RM2 dan biasanya seorang peniaga akan menyewa tiga hingga lima petak atau lebih.

"Oleh kerana harganya murah, selain penduduk Kuala Langat dan sekitarnya, terdapat juga peniaga-peniaga pasar malam datang dari kawasan lain termasuk Seremban dan Perak untuk membeli pakaian secara borong di Pasar Kampuchea kerana boleh mendapat harga murah," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kata-kata Idris terbukti benar apabila penulis terjumpa seorang wanita, **Kamariah Mohamad**, 54, yang sedang menyo-

rong beberapa beg besar mengandungi pakaian di atas troli.

Kamariah memberitahu, dia yang menetap di Seremban dan berniaga di Batu 4, Port Dickson datang ke Pasar Kampuchea setiap dua atau tiga bulan sekali untuk membeli pakaian serta kain secara borong.

Katanya, dia mendapat tahu mengenai pasar itu daripada seorang rakannya dan telah berulang-alik ke Kanchong Darat untuk membeli kain sejak dua tahun lalu kerana harganya murah.

"Saya suka membeli secara borong di sini kerana lebih selesa berbanding membeli barangan di Kuala Lumpur atau Nilai 3.

"Di sini senang *parking*, tak payah berse-sak-sesak kerana orang tak ramai sangat dan pakaiannya pun corak terbaru.

"Harga pun lebih kurang dengan di Kuala Lumpur dan Nilai 3," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pelanggan Pasar Kampuchea, **Rohalia Mohd. Rohani**, 26, memberitahu, dia memang berasal dari Kanchong Darat tetapi menetap di Puchong dan akan pulang ke kampung setiap minggu untuk ke Pasar Kampuchea membeli kain, tudung dan pakaian yang dikirim kawan-kawan pejabatnya.

Kerani di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu memberitahu, selain mendapat harga yang murah dan berpatutan, kain serta pakaian di sini juga banyak dan coraknya adalah yang terkini.

"Tak payah pergi jauh kerana di Kanchong Darat ini pun ada. Sambil balik kampung saya boleh tolong belikan kawan-kawan barangan yang mereka kirim dengan harga murah," katanya.


Kata-kata Rohalia disokong **Rianatuty Hanip**, 28, yang suka ke Pasar Kampuchea kerana terdapat pilihan pakaian wanita dan kain tudung yang cantik serta murah berbanding di tempat lain.

Menurutnya, keadaan di pasar ini juga telah berubah dan lebih tersusun berbanding dahulu hasil usaha JKKK yang banyak membantu memajukan kampung tersebut.

"Oleh kerana ramai yang tahu tentang pasar ini, ramai orang dari jauh yang datang ke sini.

"Ia sedikit sebanyak dapat membantu mempopularkan Kampung Kanchong Darat yang sebelum ini popular kerana menjadi tempat kelahiran jaguh-jaguh badminton negara dari keluarga Haji Sidek," katanya.

Semasa meninjau gerai-gerai di Pasar Kampuchea itu, penulis berhenti di gerai menjual makanan mentah milik seorang



Antara barangan yang dijual di pasar Kampuchea ialah pakaian seperti baju, telekong, tudung, kain ela, barangan keperluan rumah, makanan dan pelbagai lagi dengan harga yang murah

Headline **Pasar Kampuchea popularkan Kanchong Darat**
Date **28. Mar 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**

wanita Kemboja, **Sharifah Abdullah**, 40. Makanan mentah yang dijualnya tidak pernah penulis lihat di pasar-pasar lain.

Ketika ditanya, Sharifah yang lahir di Kampung Prek Pra, Phnom Phen dan telah menetap hampir 20 tahun di Kanchong Darat menerangkan makanan mentah yang dijualnya adalah makanan tradisi rakyat Kemboja.

Katanya, 'tong mo' adalah daging berbungkus perut lembu, 'lol mok dam' (daging lembu salai bawang putih) dan 'kan pedam' (ikan patin salai).

Kata Sharifah, semua makanan mentah ini dibuatnya sendiri di rumah dan selain di pasar Kampuchea, dia juga menjual makanan itu di pasar Sungai Buloh, Kuala Selangor kerana mendapat permintaan menggalakkan di sana.

"Paling susah nak buat ialah 'tong mo' kerana memerlukan kepakaran untuk memasukkan daging ke dalam perut lembu agar perut lembu yang nipis itu tidak terkoyak dan selepas itu perlu dijemur selama dua hari.

Tong mo' ini sebenarnya sama seperti sosej yang dijual di pasar raya tetapi bezanya 'tong mo' tidak dicampur dengan tepung dan rasanya juga enak jika dibiarkan masam sedikit serta sesuai digoreng atau rebus," katanya yang menjual kira-kira 50

IDRIS YUSUF

Ketua Masyarakat
Kemboja
Kanchong Darat

kilogram makanan itu sehari.

Seketul 'tong mo' dijual pada harga RM1, sementara 'lol mok dam' (RM25 sekilo) dan 'kan pedam' (RM15 sekilo).

Ditanya mengapa tiada fabrik atau hasil kraftangan Kemboja dijual di pasar itu, seorang peniaga, **Nasir Abu Bakar**, 37, memberitahu, barangan itu akan jadi mahal jika dibawa ke sini kerana agak sukar mendapat bekalan.

Katanya, kebanyakan warga Kemboja juga tidak pulang ke negara mereka untuk membolehkan barangan itu dibawa masuk.

"Di sini, kami berniaga untuk menyara hidup dan tidak mampu untuk mendapat bekalan fabrik atau bahan jualan yang mahal.

"Dulu ada kain dan barangan dari Kemboja dijual tetapi tidak mendapat sambutan kerana kebanyakan pelanggan memberitahu fesyennya ketinggalan zaman," jelasnya.

Nasir yang menjual pakaian wanita, tudung dan kain ela berkata, fabrik dari Thailand, China, India dan beberapa negara lain lebih mudah dijual serta harganya murah.

"Jadi, janganlah hampa bila tak jumpa barangan dari Kemboja di sini kerana kebanyakan kami mendapatkan bekalan dari Kuala Lumpur," katanya.



SHARIFAH Abdullah menunjukkan jualannya, sejenis makanan tradisi Kemboja yang dikenali sebagai 'tong mo'.



KAIN tudung yang dijual pada harga murah menjadikan Pasar Kampuchea menarik tumpuan penduduk sekitar Kuala Langat.